

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menyatakan apakah status terkini Jambatan Pengkalan Kubor-Tak Bai dan sejauhmana kerjasama Malaysia-Thailand dalam projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan ekonomi rentas sempadan merupakan antara perkara utama yang sering dibincangkan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand, terutama melalui platform Strategi Pembangunan Bersama Kawasan Sempadan (JDS) Malaysia – Thailand dan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Sidang Kemuncak Ke-12 IMT-GT di Bangkok, Thailand pada 23 Jun 2019, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Thailand telah turut membincangkan pembinaan Jambatan Kedua Menghubungkan Rantau Panjang-Sungai Golok dan Jambatan Pengkalan Kubor-Tak Bai. Pembinaan kedua-dua jambatan ini dijangka akan meningkatkan pembangunan dan aktiviti perdagangan rentas sempadan bagi kedua-dua negara. Kedua-dua projek ini juga telah disenaraikan dalam Projek Kesalinghubungan

NO. SOALAN : 28

Fizikal (PCP) IMT-GT, yang keseluruhannya mengandungi 41 projek kesalinghubungan dengan anggaran kos sebanyak AS\$47 bilion.

3. Berkaitan pembinaan jambatan tersebut, Kerajaan dalam perancangan supaya kedua-dua projek ini dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025). Satu Jawatankuasa Teknikal telah turut ditubuhkan bagi membincangkan perkara-perkara teknikal berkaitan kedua-dua jambatan ini. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan *Department of Highways* (DOH) Thailand.

Sekian, terima kasih.